

BERITA HARIAN

DATE: 2/12/2009

Asean perlu rangka perjanjian anti-perlumbaan senjata: Dr M

BEKAS Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata satu perjanjian anti-perlumbaan senjata perlu dirangka oleh Asean bagi mengelak berlaku perlumbaan senjata antara negara anggota sekali gus dapat mengurangkan beban kos perbelanjaan senjata yang semakin meningkat.

Katanya, negara anggota Asean perlu mempunyai permuafakatan ketika membangunkan kekuatan ketenteraan masing-masing bagi memastikan keamanan serantau terjamin.

Katanya, jika ada negara

menunjukkan minat dan giat berusaha membangunkan kekuatan tenteranya, pasti langkah sama akan diikuti negara lain yang berjiran.

"Dalam hal ini, perlu ada perjanjian antara negara. Jika orang lain ada buat (peningkatan kekuatan ketenteraan) kita pun kena buat.

"Jangan kita kurangkan kemampuan, tapi orang lain buat, kita akan jadi sasaran," katanya kepada pemberita ketika ditemui di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri (MI-EC) di sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas penyer-

taan Singapura pada Lima 09 termasuk memperagakan helikopter penyerang Apache AH-64D Longbow pada pertunjukan udara itu.

Helikopter penyerang dua tempat duduk yang dicat serba hitam untuk kelicikan operasinya pada waktu malam, mempunyai reputasi menggerunkan berikutan aksinya ketika Perang Teluk Pertama dan Perang Teluk Kedua.

Mengulas Lima '09, Dr Mahathir berkata, beliau gembira kerana pameran berprestij itu masih mendapat sambutan daripada syarikat gergasi dalam industri penerbangan.

BH- 2/12/2009